

**SOALAN NO: 24**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : KHAMIS, 31 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : L8 [PR-1343-L75766]**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa bilangan projek pembangunan bangunan berbilang tingkat dalam tempoh 5 tahun lalu, jumlah kadar penginapan (occupancy) yang dicapai, masalah-masalah yang dihadapi dan cadangan penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, sebanyak 498 kelulusan Perintah Pembangunan (DO) telah dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi projek pembangunan berskala besar.

Bilangan kelulusan DO yang melibatkan projek pembangunan 20 tingkat ke atas bagi kediaman dan perdagangan dari tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	KEDIAMAN	PERDAGANGAN
1.	2012	53	42
2.	2013	27	55
3.	2014	23	35
4.	2015	43	110
5.	2016	31	79
	JUMLAH	177	321
	JUMLAH KESELURUHAN		498

Secara kasar, kadar penginapan (*occupancy*) di Kuala Lumpur adalah tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Statistik jumlah kadar penginapan (*occupancy*) di Kuala Lumpur boleh dirujuk terus dengan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk maklumat yang lebih terperinci.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, data-data mengenai masalah-masalah dan cadangan penyelesaian kepada kadar penginapan (*occupancy*) ini juga boleh diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia. Dalam hal ini, tindakan serta cadangan penyelesaian kepada masalah ini telah dikaji oleh Jabatan tersebut bagi memastikan *demand and supply* terhadap sesuatu pembangunan itu memenuhi kehendak rakyat.